



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (20)
16 Disember 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 20/2000:
Panduan Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam Di Sekolah-Sekolah

Kementerian Pendidikan mendapat maklum bahawa telah timbul beberapa kekeliruan mengenai dasar dalam penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam di sekolah-sekolah. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, dalam **Peraturan 4**, PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PERSATUAN SEKOLAH) 1998, Seksyen 130 AKTA PENDIDIKAN 1996 yang berkuatkuasa pada 21 Mei 1998, ada dinyatakan mengenai Penubuhan Persatuan Sekolah, di mana **Guru Besar atau Pengetua, setelah menerima permohonan secara bertulis, hendaklah menubuh persatuan sekolah daripada kategori yang berikut:**

- (a) mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (KURIKULUM KEBANGSAAN) 1997;**
- (b) hobi dan rekreasi;**
- (c) sukan dan permainan;**
- (d) badan beruniform; dan**
- (e) apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh Pendaftar.**

2. Jelas dalam **Peraturan 4** bahawa Persatuan Bukan Agama Islam tidak termasuk dalam kategori (a), (b), (c) atau (d). Walau bagaimanapun, **kategori (e) memberi kuasa khas kepada Pendaftar**, iaitu Pengarah Pendidikan Negeri, untuk meluluskan apa-apa persatuan lain sebagai persatuan yang berdaftar di sekolah. Dalam kata lain persatuan bukan agama Islam boleh ditubuhkan di sekolah-Sekolah setelah Pendaftar membuat pertimbangan dan berpuas hati dengan permohonan yang diterimanya secara bertulis.

3. Perlu ditegaskan bahawa pendirian Kementerian Pendidikan dalam isu penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam di sekolah-sekolah adalah kekal, iaitu seperti yang diamalkan sekarang (**status quo**). Pendirian ini bermaksud:

- (a) Mana-mana sekolah yang sudah ada Kelab Agama Bukan Islam, maka kelab tersebut bolehlah diteruskan;
- (b) Sekiranya ada permohonan baru di kalangan murid atau guru untuk menubuhkan kelab-kelab bukan agama islam, maka ia hendaklah mengikuti **PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PERSATUAN SEKOLAH) 1998**; dan

- (c) Sekiranya ingin mengadakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyertaan orang luar bagi membantu dalam melaksanakan aktiviti-aktivitinya, maka hendaklah juga mematuhi segala arahan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

4. Apabila diluluskan penubuhannya oleh Pendaftar, maka Persatuan Agama Bukan Islam seperti ini hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (a) Aktiviti-aktiviti kelab hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan mengambil kira sensitiviti kebebasan beragama dan juga hakikat bahawa Islam adalah agama rasmi negara;
- (b) tidak boleh menjalankan sebarang usaha atau aktiviti yang bertujuan untuk mempengaruhi dan mengembangkan kepercayaan atau anutan kepada murid-murid dari agama lain;
- (c) keahlian sesuatu persatuan bukan agama Islam hanya untuk murid-murid yang menganuti agama itu sahaja dan tidak boleh diperluaskan kepada penganut agama lain;
- (d) tidak ada apa juga bentuk paksaan kepada mana-mana murid untuk menganggotai kelab tersebut;
- (e) tidak ada unsur paksaan kepada mana-mana murid untuk mengikuti aktiviti-aktiviti kelab tersebut;
- (f) Guru Penasihat hendaklah dilantik sendiri oleh Guru Besar atau Pengetua; dan
- (g) Sebarang penglibatan pihak luar hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pendaftar.


5. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Pendaftar, dalam **Peraturan 12(1) PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PERSATUAN SEKOLAH) 1998**, *boleh secara bertulis, mengarah mana-mana persatuan sekolah dibubarkan jika berpuas hati bahawa persatuan itu mungkin digunakan bagi maksud:*

- (a) yang tidak memberi manfaat kepada murid dan guru;*
- (b) propaganda politik yang memudaratkan kepentingan Malaysia atau awam;*
- (c) yang memudaratkan kepentingan murid; atau*
- (d) yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.*

6. Adalah diharapkan supaya Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan mengambil tindakan segera dengan memaklumkan kepada semua pegawai peringkat pentadbiran di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan sekolah mengenai perkara ini.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' SERI DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 9. Ketua Nazir Sekolah
 10. Pegawai Perhubungan Awam